

Bantuan sebenar. Sekarang.



Bonus Penjimatan Tenaga \$100: Cara untuk memohon

Memberikan bantuan kos sara hidup sebenar kepada penduduk Victoria yang paling memerlukan.

Kerajaan Victoria menawarkan bantuan sebenar untuk menangani kos sara hidup dan mengurangkan bil tenaga melalui Bonus Penjimatan Tenaga \$100 baharu.

Mulai 25 Ogos 2025, pemegang kad konsesi yang layak boleh memohon melalui laman Victorian Energy Compare sambil menyemak tawaran tenaga terbaik.

Victorian Energy Compare ialah laman web kerajaan percuma dan bebas yang memudahkan perbandingan tawaran elektrik, gas dan solar. Dengan menggunakan laman web ini untuk menyemak dan menukar pelan tenaga secara berkala, penduduk Victoria boleh menjimatkan kos tenaga dengan ketara.

Anda tidak perlu menukar pelan untuk layak menerima Bonus Penjimatan Tenaga \$100. Hanya gunakan laman web ini untuk membandingkan pelan yang ada - cepat, mudah, dan mungkin membantu anda mendapatkan tawaran yang lebih baik.

Bonus Penjimatan Tenaga \$100

Bonus Penjimatan Tenaga \$100 ialah bayaran sekali sahaja untuk membantu isi rumah yang layak mengurus bil tenaga musim sejuk dan meringankan tekanan kos sara hidup.

Dengan memohon melalui laman Victorian Energy Compare, anda mungkin menemui penjimatan baharu - dan menerima Bonus \$100 sambil anda melakukannya.

Kelayakan

Untuk layak, isi rumah perlu:

- Mempunyai bil elektrik kediaman terbaru
- Memegang salah satu kad konsesi yang berikut:
 - Health Care Card (Kad Penjagaan Kesihatan)
 - Pensioner Concession Card (Kad Konsesi Penerima Pencen)
 - Veterans' Affairs Pensioner Concession Card (Kad Konsesi Hal-hal Penerima Pencen Veteran)
 - Veterans' Affairs Gold Card (Kad Konsesi Emas Hal-hal Veteran)

Hanya satu bayaran bagi setiap isi rumah yang layak.



Cara untuk memohon

Untuk memohon, layari laman web Victorian Energy Compare (compare.energy.vic.gov.au) atau mohon melalui telefon (1800 000 832) atau secara bersemuka melalui Neighbourhood Houses yang mengambil bahagian.

Bantuan sebenar. Sekarang.

Apa yang dapat dilakukan Victorian Energy Compare untuk anda:

- + Laman ini membandingkan tawaran yang ada dengan pelan semasa anda supaya anda dapat melihat sama ada pelan tersebut lebih tinggi atau lebih rendah.
- + Laman ini mencari setiap tawaran di pasaran daripada setiap syarikat bekalan tenaga runcit Victoria.
- + Laman ini memaparkan tawaran bekalan tenaga mesra alam dan tarif suapan tenaga suria.
- + Laman ini menggunakan data khusus bagi keluarga atau perniagaan anda, untuk memberikan maklumat terbaik.

1 Dapatkan bil elektrik anda yang terbaru.

2 Layari compare.energy.vic.gov.au

3 Masukkan butiran diri anda dan cari tawaran terbaik.

Bandingkan dan berjimat

Warga yang telah menggunakan laman web Victorian Energy Compare sepanjang 2024 berjaya menjimatkan lebih daripada \$240 dengan beralih kepada tawaran berharga terbaik.

Kediaman dan Perniagaan Kecil

Victorian Energy Compare mempunyai semua tawaran tenaga yang lazimnya tersedia untuk pengguna tenaga kediaman dan perniagaan kecil.

Diskaun 17.5%

Pemegang kad konsesi mungkin layak mendapat diskaun 17.5% bagi bil elektrik sepanjang tahun dan bil gas musim sejuk (Mei -Oktober).

Laman web Tenaga Kerajaan Victoria menyediakan maklumat tentang usaha bersama industri dan komuniti untuk membangunkan masa depan tenaga Victoria yang selamat dan lestari.



Layari energy.vic.gov.au/households

© The State of Victoria Department of Energy, Environment and Climate Action Ogos 2025

ISBN 978-1-76176-572-8 (Print)

ISBN 978-1-76176-573-5 (pdf/online/MS word)

Penafian

Penerbitan ini mungkin dapat membantu anda, namun Negeri Victoria dan kakitangannya tidak menjamin bahawa penerbitan ini bebas daripada sebarang kecacatan atau sesuai sepenuhnya untuk tujuan khusus anda, dan tidak bertanggungjawab atas sebarang ralat, kerugian atau akibat lain yang timbul daripada kebergantungan anda terhadap maklumat dalam penerbitan ini.



Bagi mendapatkan bantuan dalam bahasa selain Inggeris, hubungi Translating and Interpreting Services (TIS) 131 450.

